

11/01/1998

Kerajaan negeri yakin kemampuan NEAC

Ibrahim Muhamad; Noorwati Salleh; Noh Ahmad; Fazli Arman
KUALA LUMPUR: Kerajaan negeri yakin penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) pada setiap negeri mampu membantu menangani kegawatan ekonomi, khususnya pada peringkat akar umbi.

Ini kerana majlis itu membolehkan kerajaan negeri bertindak terus terhadap masalah yang dihadapi di negeri masing-masing, sekali gus mengurangkan masalah birokrasi yang banyak menjejaskan urusan ekonomi.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata NEAC peringkat negeri itu yang sudah dibentuk bulan lalu, sudah memulakan pelbagai tindakan sejak 1 Januari lalu.

Menurutnya, majlis itu yang diketuainya, dianggotai seorang Exco kanan, Datuk Abdul Rahsid Ngah; Pegawai Kewangan Negeri dan Urusetia Unit Perancang Ekonomi Negeri.

Beliau berkata, sehingga kini majlis itu sudah mengambil beberapa tindakan termasuk mengarah semua jabatan kerajaan menjalankan langkah berjimat cermat seperti bekalan elektrik dan alat tulis.

"Sehingga kini Wisma Darul Iman dapat menjimatkan kira-kira RM21,000 sebulan untuk bekalan elektrik. Ini tidak termasuk alat tulis serta beberapa penjimatan lain," katanya di Kuala Terengganu, semalam.

Wan Mokhtar berkata, pihaknya juga sedang menjalankan kajian untuk menghadkan bil perubatan kakitangan kerajaan dan badan berkanun.

"Kakitangan terbabit mungkin diminta mendapat rawatan di hospital kerajaan dan anggota keluarga perlu menjelaskan bayaran perubatan," katanya.

Sebelum ini, bayaran perubatan merangkumi anggota keluarga kakitangan terbabit.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata, NEAC turut ditubuhkan pada peringkat negeri dengan Ketua Menteri dan Menteri Besar, termasuk Kelantan masing-masing dilantik sebagai pengerusi.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, NEAC peringkat negeri berfungsi sebagai penyelaras dan mengambil tindakan segera apa yang berlaku pada peringkat akar umbi berikutan kegawatan ekonomi negara sekarang.

Di KUANTAN, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan negeri menunggu garis panduan daripada NEAC pusat berhubung pembentukan majlis yang sama peringkat negeri.

Setakat ini, beliau berkata, kerajaan negeri sudah mengambil langkah awal untuk memberi penerangan kepada orang awam di seluruh negeri mengenai masalah yang dihadapi sekarang.

Antara daerah yang sudah dilawati Menteri Besar ialah Jerantut, Lipis, Bentong dan Raub.

Di JEMPOL, Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, berkata NEAC negeri akan ditubuhkan sebaik sahaja menerima garis panduan Kerajaan Pusat.

Menurutnya, kerajaan negeri bersetuju menubuhkan majlis itu sejak diumumkan Dr Mahathir, November lalu.

Di KANGAR, Setiausaha Kehormat Belia 4B Perlis, Hashim Suboh, berkata pelantikan Menteri Besar dan Ketua Menteri sebagai pengerusi NEAC peringkat negeri dapat mempercepatkan proses pemulihan ekonomi negara.

"Apabila Menteri Besar terbabit secara langsung dalam tindakan yang memerlukan campur tangan sehingga pada peringkat akar umbi, kita yakin soal birokrasi yang sering menjadi penghalang, dapat diatasi," katanya.

(END)

